

# HIBRID KUBIS BULAT

**Mohamad Hussin**

mohamad\_hussin@hmetro.com.my

**Kubis** antara hasil tanaman tanah tinggi dan dikatakan agak mustahil boleh ditanam di kawasan tanah rendah dan bercuaca panas.

Namun semua itu kini bukan lagi mustahil apabila Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) berjaya menemui benih hibrid kubis bulat

yang boleh ditanam di kawasan berkenaan.

Tanaman kubis bulat mempunyai potensi kerana ia antara salah satu sayuran yang paling popular di Malaysia dan sentiasa mendapat permintaan pasaran.

Sekiranya pengeluaran berterusan dan konsisten termasuk mengawal serangan perosak serta penyakit dapat diminimumkan, penetapan harga ladang optimum setara harga ladang kubis bulat di tanah tinggi.

> 4&5



## GRADUAN JADI PETANI MODEN

**Berpaksikan** pertanian adalah satu perniagaan menguntungkan mendorong tiga siswazah dari Kuala Kangsar, Perak merealisasikan slogan 'di mana ada kemahuan di situ ada jalan'.

Usaha mereka secara individu di tiga lokasi berbeza di daerah ini kini menjadi

contoh kepada lepasan universiti awam (UA) lain apabila pendapatan hasil pertanian diperoleh amat lumayan.

Menggunakan kaedah pertanian moden secara fertigasi menjadikan pelbagai tanaman diusahakan mereka seperti petola, timun, cili kulai dan rock melon hidup subur.

> 2



**AZARUL** bangga apabila tanaman timun diusahakannya menjadi.

# TIADA MASALAH LAMBAKAN



**SHEIKH Ashraf Al-Hadad** bersama hasil cili kulai yang diusahakannya.

Hasil dipasarkan menerusi kaedah kontrak ladang kepada FAMA Perak

## NIAGA TANI

DARI MUKA 1

Azarul Ahmad Puat, 28, pemilik Ijazah Sarjana Muda Kewangan dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) berkata, dia memilih tiga jenis sayuran untuk diusahakan tahun ini dan sedang mengutip hasilnya iaitu petola, timun dan rock melon.

"Saya mengusahakan tanaman ini di dua lokasi iaitu Bukit Chandan dan Sungai Siput di atas tanah seluas 4.5 hektar yang disewa daripada penduduk kerana tanah itu sememangnya terbiar sebelum ini.

"Saya mengupah beberapa pekerja bagi membantu menguruskan kebun kerana bukan saja jarak dua lokasi itu agak jauh tetapi juga sukar untuk menguruskan secara sendiri kerana kebun agak luas," katanya.

Azarul berkata, hasil petola dan timun diusahakan sejak tiga tahun lalu tiada masalah lambakan kerana

ia dipasarkan menerusi kaedah kontrak ladang kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Perak.

Katanya, rock melon yang diusahakan secara fertigasi mengeluarkan hasil peringkat pertama amat memberangsangkan dan mendapat pengiktirafan beberapa pihak termasuk Jabatan Pertanian Perak.

"Dua tahun saya mencari pekerjaan di Kuala Lumpur dan akhirnya nekad pulang kampung pada 2014 lalu dengan menceburi bidang pertanian secara sepenuh masa selepas mendapat galakan dan semangat daripada keluarga.

"Alhamdulillah, kini saya mampu mencapai pendapatan belasan ribu ringgit selepas membayar gaji pekerja, membeli benih, baja dan pengurusan lain," katanya.

Sementara itu, Sheikh Ashraf Al-Hadad Sheikh Saratul Akmal, 32, berkata sistem fertigasi bagi tanaman cili kulai diusahakan sejak tiga tahun lalu dengan hasil di luar

jangkaan membuktikan pertanian adalah perniagaan menguntungkan.

Graduan lulusan Ijazah Kejuruteraan Mekanikal Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Johor, itu mengusahakan cili kulai dan timun di Kampung Kota Lama Kiri, Kuala Kangsar kini bangga sebagai status petani moden.

"Bagi memastikan hasil tanaman diperolehi maksimum, saya sentiasa memastikan pembajaan mencukupi dan penjagaan tanaman dikawal selia setiap hari dengan mengutamakan aspek kesuburannya.

"Di samping mendapat khidmat nasihat daripada pihak berkenaan mengenai pertanian, saya sering berbincang dengan ahli keluarga bagi memastikan cili dan timun ini berjaya mengeluarkan hasil maksimum," katanya.

Menurut Sheikh Ashraf Al-Hadad, dia turut menjadikan tanah yang 'gersang' di kampung itu sebelum ini subur dengan tanaman cili dan timun sehingga membuka mata

banyak pihak termasuk penduduk lain.

Katanya, masalah pengangguran dalam kalangan siswazah boleh dikurangkan jika mereka yang terbabit sanggup bekerja sendiri termasuk menceburi bidang pertanian ini yang sudah tentu ia sentiasa mendapat pasarannya.

"Saya kini lebih selesa dalam bidang pertanian dan berhasrat menambah lagi keluasan tanah untuk pelbagai tanaman lain pada masa depan," katanya.

Bagi Ahmad Zakuan Azhar, 33, bidang pertanian sebatu di jiwanya kerana menceburinya sejak lapan tahun lalu dengan pelbagai dugaan dihadapi pada peringkat awalnya.

Menurut lepasan Universiti Malaya (UM) ini, cita-cita menjadi jutawan tani sebelum mencecah usia

40 tahun diharap menjadi kenyataan satu hari nanti.

"Saya tidak pernah terbayang sebelum ini akan mampu mengeluarkan hasil tanaman timun dan petola sebanyak 10 tan metrik setiap bulan tetapi kini telah membuktikannya.

"Ini pun saya hanya mengusahakan tanah seluas kira-kira 0.9 hektar tanah terbiar di Kampung Talang Hilir, Kuala Kangsar sejak lapan tahun lalu dan berhasrat menambahkan keluasan tanah ini pada musim akan datang.

"Saya yakin jika graduan lain juga berminat dan ada usaha menceburi bidang pertanian ini pasti ia boleh mengurangkan kadar import sayuran dan makanan dari luar negara sekali gus membantu menyelamatkan ekonomi negara," katanya.

-DJ Dolasoh